

# Operasi Isi Penuh: Kerajaan akan buat peraturan baru

UM 17 DEC 1961



KUALA LUMPUR 16 Dis. - Datuk Sri Dr. (Mahathir Mohamad) berkata hari ini kerajaan akan membuat peraturan baru bagi mengisi jawatan-jawatan kosong dalam Operasi Isi Penuh, memandangkan timbulnya masalah dalam pemilihan calon-calon.

Menurutnya, walaupun operasi itu telah berjalan buat beberapa ketika, tetapi masih terdapat 22,000 jawatan dalam perkhidmatan awam yang belum diisi lagi.

Dari jumlah itu, beliau berkata kira-kira 11,000 jawatan yang belum diisi adalah jawatan-jawatan perkhidmatan awam dalam kumpulan perusahaan dan buruh kasar (IMG) kumpulan D.

Dalam sidang akhbar

Sementara itu terdapat kalangan golongan profesional yang menganggap gaji yang diterima dalam perkhidmatan kerajaan tidak sama dengan gaji yang diterima dari pihak swasta," kata Perdana Menteri sekadar memberi beberapa contoh.

Semua masalah yang timbul berhubung dengan permohonan dan penerimaan dalam jawatan itu telah menyukark-

han pemohon-pemohon yang berjaya untuk bertukar ke tempat asal mereka adalah di antara perkara-perkara yang menyebabkan terdapat banyak jawatan yang belum dapat diisi.

Perdana Menteri berkata adalah menjadi suatu kebiasaan setiap ketua-ketua jabatan akan meminta supaya kaki-tangan di jabatannya ditambah setiap tahun.

"Tetapi yang menjadi

yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri di sini tengah hari ini. Perdana Menteri menjelaskan peraturan baru tersebut adalah perlu kerana selama operasi pengambilan kakitangan baru itu dijalankan, kerajaan telah menghadapi banyak masalah berhubung dengan pemilihan calon-calon.

### Sulit

Menurutnya, masalah dan kesulitan yang timbul dalam proses pengambilan kakitangan baru itu adalah disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya ialah permohonan serentak yang dibuat oleh para pemohon untuk berbagai jawatan dalam perkhidmatan kerajaan.

"Ada juga yang membuat permohonan walaupun ia telah mendapat pekerjaan dan ada juga calon-calon yang menolak tawaran pekerjaan yang dipohonnya setelah diterima dalam jawatan.

an proses penyelarasan permohonan, katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata seterusnya: "Kerajaan mungkin akan terpaksa menghadkan perlantikan jawatan-jawatan tertentu kepada penduduk-penduduk satu-satu kawasan sahaja."

Dalam peraturan baru yang dicadangkan itu, beliau berkata kerajaan mungkin tidak akan mempertimbangkan permohonan dari pemohon dari utara bagi mengisi kekosongan yang terdapat di selatan Semenanjung Malaysia.

Beliau menyebut contoh sekiranya terdapat kekosongan jawatan 'budak pejabat' di Mersing, kerajaan mungkin tidak akan mempertimbangkan permohonan daripada pemohon-pemohon dari Kuala Kedah.

Menurutnya, masalah untuk mendapatkan tempat tinggal dan keghaira-

masalah sekarang ialah sejumlah 22,000 jawatan yang telah diluluskan masih belum dapat diisi lagi," katanya.